

Warisan Tiada Kesenambungan: Labu Sayong Picit Cubit

Nur Adilah Khaliqah Binti Khusairi
Nur Aisyah Binti Abd Razak
Mohd Nizam Yunus

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Tembikar tradisional yang dibuat seratus peratus dari jari jemari amat sukar untuk dijumpai pada masa kini. Nilai estetika Labu Sayong kini dikatakan semakin hilang dan diragui kerana kebanyakannya dibuat dengan acuan dan mesin. Kajian ini dijalankan untuk membongkar sejarah asal usul Labu Sayong yang dikatakan mempunyai pelbagai versi penceritaannya. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui tentang kaedah, alatan dan bahan yang digunakan dalam pembuatan Labu Sayong Tangan ini. Terdapat beberapa teknik yang digunakan dalam pembuatan Labu Sayong Tangan termasuklah istilah picit cubit yang menjadi teknik utama dalam pembuatan Labu Sayong Tangan. Seterusnya, Labu Sayong bukan sahaja dijadikan sebagai bekas simpanan air, namun telah divariasikan penggunaannya mengikut peredaran zaman. Oleh itu, kajian ini juga akan merungkai kegunaan dan keunikan Labu Sayong Picit Cubit ini.

Kata kunci: kraf tangan, Kuala Kangsar, labu sayong, tembikar, picit cubit

ABSTRACT

Hand-made Labu Sayong is very difficult to find now. The aesthetic value of Labu Sayong is now said to be disappearing and in doubt as most of it is made with molds and machines. This study was conducted to uncover the history of the origin of Labu Sayong which is said to have various versions of its narration. In addition, this study is also conducted to find out about the methods, tools

and materials used in the manufacture of Labu Sayong. There are several techniques used in the manufacture of hand-made Labu Sayong including the term 'Picit Cubit' which is the main technique in the manufacture of hand-made Labu Sayong. Furthermore, Labu Sayong is not only used as a water storage container, but its use has been varied according to the passage of time. Therefore, this study will also unravel the uses and uniqueness of Labu Sayong Picit Cubit.

Keywords: *hand-made, Kuala Kangsar, Labu Sayong, pottery*

PENGENALAN

Sejarah peradaban manusia biasanya bermula dengan penciptaan alat asas yang diperbuat daripada batu, tulang atau tanah liat. Menurut seorang penyelidik, pembuatan seramik adalah salah satu aktiviti tertua dalam sejarah manusia (Ahmad Fauzi, 2009). Pernyataan ini dapat dikukuhkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh ahli arkeologi tentang penemuan peralatan seramik yang dihasilkan pada zaman dahulu. Dalam kes ini, walaupun beberapa kajian telah dilakukan untuk mengetahui bila bermulanya orang Melayu membuat tembikar, namun menghadapi kesulitan kerana sejarah penghasilan tembikar pada zaman dahulu tidak dicatat atau direkodkan dengan baik mengenai sejarah asal-usul terciptanya alat-alatan itu di tempat tersebut (Azmi Arifin, Muhamad Luthfi Abdul Rahman & Tarmiji Masron, 2010).

Bagi sejarawan, ahli arkeologi dan antropologi, kajian tentang tembikar dianggap sangat penting dan berguna. Ia membantu memahami dan membina semula sejarah, budaya, dan seni masa lalu, dan memperlakukannya sebagai kemajuan negara Tafsiran sejarah tahap peradaban (Stephen Chia, 1995). Menurut ahli arkeologi, secara amnya kajian mengenai tembikar dan seramik dapat memberikan banyak pengetahuan yang sangat berguna mengenai usia, sistem elektronik yang canggih dan sistem sosial awal masyarakat (Asyaari Muhamad, 1998).

Di Malaysia, kemunculan tembikar menjadi simbol permulaan sejarah panjang sebuah negara bertamadun yang namanya Tanah Melayu. Tembikar Melayu primitif telah dikaji untuk pertama kalinya sejak awal abad ke-20, ketika ditemui di gua-gua di lokasi penggalian di seluruh negara. Tembikar atau

serpihan tembikar awal di lokasi penggalian di Kuatcha, Kelantan; Bukit Tengku Lembu, Perlis; Ulu Tembeling, Pahang; Bukit Tambun, Perak; Niah, Sarawak Gua. (Siti Zainon, 1989 dan Shamsu Mohamed, 2005).

Labu Sayong dan Labu Pulau Tiga di Perak terkenal di peringkat tempatan dan antarabangsa untuk kraftangan seramik Malaysia, sementara negeri lain adalah Terenang bagi negeri Pahang, Mambong untuk negeri Kelantan, Nuan dan Kudin daripada negeri Sarawak, Kecor dari negeri Perlis serta Kulong dan La Pohan dari negeri Sabah (Ibrahim Darus dan Sahaimi Abd Manaf, 2005). Setiap produk tembikar tradisional yang paling terkenal di setiap negeri itu mempunyai ciri khas tersendiri, yang berkait rapat dengan adat dan kepercayaan tempatan, tanah liat yang digunakan sebagai bahan mentah, dan cara pembuatan tembikar tradisional.

'Labu' bermaksud bekas berwarna hitam manakala 'sayong' adalah sebuah perkampungan atau mukim yang berada di daerah Kuala Kangsar, Perak. Labu Sayong diperbuat daripada tanah liat di mana ia dijadikan bekas simpanan air. Labu Sayong ini dibentuk dan diukir dengan pelbagai motif dimana kebanyakannya mempamerkan unsur tradisional. Labu Sayong sangat terkenal di Kuala Kangsar, Perak kerana di kawasan Sayong, lebih tepat lagi di Kampung Kepala Bendang, Sayong. Labu Sayong ini telah terkenal di seluruh negeri dan seluruh pelusuk dunia. Labu Sayong ini telah berkembang dan dikomersialkan di dalam dan luar negara.

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan yang timbul dalam kajian ini adalah terlalu banyak penceritaan tentang sejarah asal usul kraftangan labu sayong yang berbeza dan tidak dapat memastikan dari mana sumber cerita sejarah asal usul tersebut. Sumber yang tidak sahih tidak sepatutnya disebarkan kerana akan menimbulkan salah faham dalam sesuatu topik tersebut. Selain itu, kita mungkin tidak mengambil tahu atau melihat cara-cara penghasilan, bahan serta alat yang digunakan untuk menghasilkan labu sayong. Labu sayong ini mempunyai pelbagai bentuk, saiz, harga dan kegunaannya. Lain orang lain cara dan penghasilannya. Warisan kraftangan labu sayong ini akan ketinggalan zaman jika tidak ada generasi baru untuk mengambil tahu atau menceburi bidang seni ini.

Seterusnya masyarakat kini sudah kurang menggunakan kraftangan labu sayong. Masyarakat mungkin tidak jelas tentang penggunaan kraftangan labu sayong. Orang dahulu menggunakan labu sayong untuk menyimpan air di dalam rumah kerana mengetahui khasiat dan kebaikannya. Masyarakat kini tidak menggunakan labu sayong kerana tidak mengetahui kegunaan labu sayong dengan betul serta kebaikannya. Penggunaan labu sayong semakin pudar. Hal ini akan menyebabkan generasi akan datang tidak akan tahu tentang kewujudan dan kegunaan labu sayong ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif dalam penyelidikan ini. Pertama adalah untuk mengetahui sejarah asal usul kraftangan Labu Sayong dengan tepat dan sahih. Pelbagai variasi penceritaan telah timbul tentang permulaan Labu Sayong ini menapak di Tanah Melayu. Penyelidik akan mencari maklumat atau sumber variasi penceritaan tersebut.

Kedua adalah untuk mempelajari kaedah penghasilan, bahan dan alatan yang digunakan untuk menghasilkan kraftangan Labu Sayong. Sudah sedia maklum bahawa penghasilan Labu Sayong boleh dikatakan sukar untuk dipelajari oleh masyarakat dan bahan serta alatan juga sukar untuk didapati di sesetengah kawasan. Hal ini demikian menyebabkan penyelidik terpanggil untuk mencari tahu tentang kaedah penghasilan, bahan dan alatan yang digunakan.

Ketiga adalah untuk mengetahui lebih lanjut kegunaan kraftangan Labu Sayong. Kegunaan Labu Sayong tidak asing lagi dalam masyarakat kita sebagai bekas penyimpanan air. Dalam dunia serba moden ini, kegunaan Labu Sayong telah di variasikan kegunaannya lebih fleksibel. Oleh itu, penyelidik akan menggali lebih dalam tentang kegunaan Labu Sayong.

PERSOALAN KAJIAN

Terdapat tiga persoalan daripada kajian ini yang dijalankan berdasarkan objektif kajian. Persoalan yang pertama adalah apakah sejarah asal usul disebalik penghasilan kraftangan Labu Sayong. Persoalan ini

tercetus apabila terdapat beberapa variasi cerita yang membuatkan masyarakat mushkil tentang bermulanya kraftangan Labu Sayong ini mula menapak di Tanah Melayu.

Persoalan kedua adalah bagaimanakah penghasilan dan apakah bahan serta alatan yang digunakan untuk menghasilkan kraftangan Labu Sayong. Persoalan ini dibangkitkan kerana masyarakat mendapat gambaran bahawa pembuatan Labu Sayong amat sukar dihasilkan serta bahan dan alatan juga sukar untuk ditemukan. Jadi, persoalan tentang kaedah pembuatan dan bahan serta alatan yang digunakan dalam pembuatan Labu Sayong ini akan dirungkai oleh penyelidik.

Persoalan ketiga adalah apakah kegunaan kraftangan Labu Sayong. Labu Sayong ini telah sinonim dengan fungsinya sebagai bekas penyimpanan air. Jadi, adakah hanya satu fungsi sahaja? Penyelidik akan membongkarkan lebih banyak kegunaan produk Labu Sayong ini.

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini membantu dalam mendidik masyarakat tentang sejarah asal usul kraftangan Labu Sayong dengan lebih tepat dan sahih daripada sumber utama iaitu orang yang terlibat secara langsung dalam dunia kraftangan Labu Sayong ini. Masyarakat akan mendapat maklumat tentang sejarah dan keunikan warisan kraftangan Labu Sayong ini tanpa ada unsur tokok tambah dari pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan maklumat yang tidak sahih.

Banyak kajian yang telah membincangkan tentang asal usul Labu Sayong di Perak. Antara penulisan terawal dan menarik adalah daripada Leonard Wray. Wray membincangkan tentang asal usul dan perkembangan penghasilan tembikar di Perak, khususnya di kawasan Kuala Kangsar. Menurut Wray, tembikar di Perak telah wujud sejak beribu tahun yang lalu dan ianya bukan dihasilkan oleh orang Melayu asli (Sakai atau Semang) tetapi orang Melayu yang bertamadun yang menetap di sekitar Sungai Perak. Wray menerangkan bahawa teori asal usul labu sayong dari pendatang dari Nusantara adalah kemungkinan tidak tepat (Wray, 1903). Melalui kajian yang dijalankan, perkara ini telah dikukuhkan lagi oleh Maznah Sulaiman yang

menyatakan bahawa Labu Sayong berasal dari Kampung Bendang Sayong, Kuala Kangsar dan dihasilkan oleh penduduk di situ.

Masyarakat akan lebih mengetahui tentang kaedah membuat Labu Sayong serta bahan dan alatan yang digunakan untuk penghasilan Labu Sayong ini. Dapat diketahui jugak, dari segi keaslian bentuk dan corak pada Labu Sayong adalah tanpa elemen-elemen asing dan ianya kekal sama dari awal kewujudannya sehingga sekarang. Kebanyakkan corak yang diukir pada badan Labu Sayong adalah berdasarkan bunga atau tumbuhan. Antara corak menarik dan selalu dibuat oleh ahli seni adalah bunga cengkih, bunga lawang, bunga tanjung, bunga cakar ayam dan bunga padi. Jenis corak-corak ini adalah berdasarkan tumbuhan yang wujud di tanah Melayu sejak dulu lagi. Semua perkara yang dinyatakan ini mungkin dapat menarik minat generasi sekarang untuk menceburi bidang ini sekaligus menjadi pewaris dalam pembuatan Labu Sayong. Dunia warisan kraftangan Labu Sayong ini tidak akan mati ditelan zaman jika generasi muda mengambil alih.

Dulu, Labu Sayong mendapat permintaan pasaran yang baik kerana ianya digunakan setiap hari. Walau bagaimanapun, jumlah pengguna semakin berkurangan kerana penggunaannya telah beralih kepada teknologi masa kini seperti bekas air plastik, kendi dan sebagainya. Wujudnya teknologi moden kini menyebabkan permintaan Labu Sayong berkurang dan tidak tentu. Melalui temu ramah dan kajian ini, membolehkan gambaran yang berbeza muncul. Awalnya yang dimaksudkan untuk peralatan harian, Labu Sayong dapat berkembang menjadi produk komersial yang menguntungkan yang dieksport ke luar negara. Bukan sahaja kerana banyak kebaikan dan kegunaannya malah, nilai estetika Labu Sayong akan lebih dihargai. Dengan itu industri tembikar tidak akan merosot, tetapi berkembang kerana permintaan yang meningkat untuk tembikar Kuala Kangsar.

Selain itu, kajian ini dapat memberi kesedaran kepada pelbagai pihak mengenai perlunya menjadikan industri tembikar sebagai produk pelancongan. Kerajaan harus cakna dan mempertahankan warisan kraftangan pada masa yang sama memberikan galakan kepada pengusaha-pengusaha kraftangan terutamanya yang menggunakan cara tradisional dalam penghasilan produk mereka bagi mengekalkan kesinambungan warisan sejarah dan tradisi Melayu tidak hilang. Kedua-dua organisasi iaitu kraftangan dan warisan dapat bekerjasama membantu dalam

membangunkan serta mempromosikan Labu Sayong dan menjadikan Labu Sayong sebagai simbol identiti bagi Kuala Kangsar.

TINJAUAN LITERATUR

Dalam ucapan pembukaan dari Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mantan perdana menteri Malaysia, semasa konvensyen Melayu, *Malay World, Islam World- unite we must*, beliau ada berkata, "Saya menggesa para intelektual Melayu dalam bidang perubatan untuk menjalankan program penyelidikan dan pengembangan yang serius untuk meneroka potensi besar ini. Begitu juga di kawasan yang kita mempunyai kelebihan seperti biodiversiti dan bioteknologi, pengairan dan saliran, pengeluaran makanan, pertanian, estetika, tenunan, ukiran kayu, seramik dan lain-lain. Saya percaya orang Melayu sekarang mendominasi teknologi tradisional tertentu yang memerlukan pengubahsuaian dan inovasi dari segi pengeluaran agar dapat dimanfaatkan oleh kawasan-kawasan tersebut dan diberi nilai komersial." (Zuta, 2001).

Berdasarkan ucapan itu, sudah jelas bahawa kerajaan kita memandang serius masa depan kraftangan tradisional orang Melayu termasuk Labu Sayong. Teknologi pembuatan tembikar tradisional sering dikaitkan dengan ekonomi orang Melayu di kawasan luar bandar. Untuk meningkatkan ekonomi pembuat tembikar, kaedah pengeluaran memerlukan transformasi. Dengan keprihatinan pemerintah terhadap perkara ini, inovasi teknik pembuatan Labu Sayong telah diperkenalkan kepada pembuat tembikar. Menurut Ainon dan Abdullah, inovasi adalah teknologi perkembangan atau pelaksanaan teknologi baru dengan alasan tertentu. Tujuan inovasi adalah untuk mencipta produk dan perkhidmatan baru untuk pengguna. Oleh itu, teknologi adalah teras kepada inovasi kerana tanpa teknologi, objektif tidak akan dapat dicapai (Ainon dan Abdullah, 1995).

Selain Labu Sayong atau produk tembikar, Seramik adalah antara produk tanah liat yang terkenal. Dalam seni visual, seramik dan tembikar tiada beza. Kedua-dua produk menjalani proses pembentukan badan, pembakaran, penghasilan corak dan pembakaran semula untuk mengeraskan item. Namun komposisi bahan seramik bukan seratus peratus tanah liat seperti tembikar. Seramik lebih banyak dipasaran kerana dianggap hasil seni dan orang ramai membeli sebagai perhiasan manakala tembikar lebih dipandang sebagai

barang keperluan mengikut penggunaannya seperti periuk dan pinggan. Namun terdapat juga bekas seramik yang cantik dan mempunyai fungsi berguna selain perhiasan.

Biasanya, produk akan menjalani tiga peringkat perkembangan yang pertama, penghasilan, seterusnya, matang, dan kemudian tamat tempoh. Penghasilan bermaksud saat setelah ia dibuat dan dikembangkan. Kematangan adalah tahap produk tertentu yang akan dikembangkan dan dipasarkan. Terakhir adalah tamatnya tempoh produk. Pada peringkat terakhir, sekiranya inovasi belum diperkenalkan, produk tersebut tidak akan bertahan di pasaran dan akhirnya pupus. Oleh itu, penambahbaikan dan transformasi harus dilakukan secara berterusan untuk mengekalkan kelangsungan idea atau produk di pasaran (Mohd Azhar dan Muhamed Fauzi, 2006).

METODOLOGI

Menurut 'Hornby' (1985), metodologi adalah sekumpulan kaedah yang digunakan untuk melakukan penyelidikan pada topik penyelidikan tertentu (Salmianti Mutalib, n.d.). Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah rujukan dan temu bual berstruktur daripada sumber utama untuk membantu kajian ini dijalankan dengan lancar. Kaedah rujukan yang digunakan adalah rujukan secara atas talian manakala temu bual sumber utama adalah kaedah temu bual tokoh yang berpengalaman dalam bidang kraftangan Labu Sayong ini. Rujukan secara atas talian adalah seperti surat khabar atas talian dan kajian ilmiah tentang Labu Sayong. Kaedah temu bual tokoh adalah untuk mendapat maklumat tersebut daripada sumber utama iaitu orang yang mengalami sendiri mengenai perkara tersebut. Hal ini untuk mengelakkan maklumat ditokok tambah dari mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

Pertama sekali penyelidik membuat rujukan secara atas talian mengenai kraftangan Labu Sayong seperti di laman web Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, kajian ilmiah dari pelbagai sumber dan surat khabar atas talian. Rujukan atas talian ini dibuat untuk memudahkan penyelidik mencari maklumat mengenai Labu Sayong ini. Keadaan pandemik Corona virus yang melanda seluruh negara ini memudahkan penyelidik untuk mencari maklumat secara atas talian sepenuhnya tanpa perlu mendapatkan bahan secara fizikal di Arkib Negara. Selain itu, melalui rujukan atas talian juga,

mbolehkan penyelidik mencari tokoh-tokoh yang berpengalaman dalam bidang kraftangan Labu Sayong ini. Hal ini juga mbolehkan penyelidik menghubungi tokoh-tokoh tersebut, berbincang dan seterusnya mengatur temu janji untuk melaksanakan temubual tentang Labu Sayong.

Temu bual secara amnya adalah teknik penyelidikan secara kualitatif yang melibatkan pewawancara mengemukakan soalan terbuka kepada responden untuk berbincang dan mengumpulkan data mengenai sesuatu subjek. Pewawancara dalam kebanyakan kes adalah orang yang pakar dalam topik atau kandungan kajian atau seorang yang bersedia dan terancang supaya dapat memahami jawapan dan pendapat responden dalam siri soalan dan jawapan yang dilaksanakan. Kaedah temu bual juga mbolehkan penyelidik memahami dengan lebih baik dengan mendengar penjelasan dan melihat tingkah laku dan mimik muka responden.

Temu bual peringkat awal telah dijalankan untuk mengenali tokoh dan mengambil maklumat serba sedikit tentang penglibatan tokoh dalam bidang kraftangan Labu Sayong. Temu bual ini dijalankan secara atas talian menggunakan aplikasi "*google meets*". Temu bual sebenar dijalankan selama dua jam secara bersemuka di kediaman tokoh. Penyelidik terlebih dahulu telah menyediakan soalan-soalan yang ingin ditanyakan semasa sesi temu bual tersebut berlangsung. Temu bual tersebut dirakam bagi tujuan transkripsi yang akan dilakukan selepas sesi temu bual ini dijalankan.

HASIL KAJIAN

Sejarah asal usul Labu Sayong di Kuala Kangsar, Perak.

Sejarah asal usul Labu Sayong ini Mempunyai pelbagai versi dan tidak dapat untuk disahkan sejauh mana kebenarannya. Hal ini kerana pada zaman dahulu tidak dicatat atau direkodkan dengan baik mengenai sejarah asal-usul terciptanya tembikar ini. Namun, menurut beberapa kajian oleh ahli arkeologi, dikatakan bahawa sejarah tembikar di Malaysia bermula ribuan tahun yang lalu, iaitu sejak zaman prasejarah (Neolitik).

Labu Sayong bermula dari Kampung Kepala Bendang Sayong, Kuala Kangsar, Perak (Maznah Sulaiman, 2020). Menurut kisah penduduk tempatan

di Kuala Kangsar, dipercayai bahawa labu itu pada awalnya dibawa ke Sayong oleh Tuk Kaluk dari Minangkabau semasa pemerintahan Sultan Iskandar. Tuk Kaluk adalah salah seorang yang mempunyai hubungan baik dengan pihak istana pada masa itu (Freddie Aziz Jasbindar, 2017). Tuk Kaluk dianugerahkan tanah Kampung Kepala Bendang oleh Sultan sebagai penghargaan atas kemampuannya membuat produk kayu, seperti pedang, parang, belati dan juga tembikar sekaligus dapat membantu ramai penduduk tempatan dan negeri lain pada zaman itu (Freddie Aziz Jasbindar, 2017). Sejak itu, Tuk Kaluk terus mengajar penduduk tempatan bagaimana membuat labu. Hingga hari ini, penduduk kampung mampu membuat labu secara sendirian. Sesungguhnya labu atau tembikar digunakan dalam kehidupan seharian (Freddie Aziz Jasbindar, 2017).

Menurut versi penduduk tempatan pula, penduduk menggunakan buah labu sebagai bekas untuk diisi dengan air. Pada masa dahulu, masyarakat di Sayong, Perak menggunakan labu lama yang telah dikeringkan dan dibentuk menjadi satu bekas dengan tujuan mengisi air minuman. Seiring berjalannya waktu, masyarakat dapat membuat peralatan rumah hanya berasal dari tanah. Oleh itu, daripada labu lama sudah beralih kepada sejenis tembikar dengan bentuk dan fungsinya sama seperti labu dan dipanggil sebagai Labu Sayong (Azmi Arifin, Muhamad Luthfi Abdul Rahman dan Tarmiji Masron, 2010).

Selain itu, dikatakan juga migrasi daripada Sumatera telah memperkenalkan tembikar labu sejak zaman kuno ini diakui dalam penyelidikan Wray sendiri pada tahun 1903. Dari satu sudut, walaupun berlaku penghijrahan orang Melayu dari Sumatera ke Perak pada waktu dahulu, namun sebenarnya mereka juga adalah orang Melayu pada ketika itu kerana Semenanjung Tanah Melayu berkongsi satu wilayah yang bersifat serumpun.

Peralatan dan bahan yang digunakan

Penghasilan Labu Sayong memerlukan bahan yang amat ringkas iaitu dengan menggunakan dua bahan sahaja. Dua bahan utama dan terpenting ini adalah tanah liat dan air. Tanah liat yang digunakan adalah yang berkualiti tinggi dan dipilih dengan teliti. Ini kerana bukan semua jenis tanah liat dapat menghasilkan labu sayong dengan kualiti yang baik. Antara alatan yang

digunakan pula ialah batu sungai, kayu pengukir, span, papan beroda sebagai alas, gergaji kecil dan juga pengikis.

Kaedah pembuatan

Labu sayong picit cubit adalah labu sayong yang dihasilkan seratus peratus menggunakan tangan dan memerlukan kemahiran. Cara membuatnya bermula dengan membuat bahagian tapak, badan dan akhir sekali mulut atau kepala labu. Pertamanya tanah liat yang sudah ditumbuk hingga halus digulingkan menjadi gumpalan. Kemudian, picit bahagian tengah gumpalan untuk membuat bahagian dalam labu. Bahagian luar dipicit untuk menaikannya menjadi bentuk labu. Di sini, tambah tanah liat untuk mengekalkan ketebalan. Tanah liat ditambah sedikit demi sedikit untuk membentuk bahagian atas labu.

Setelah labu telah terbentuk langkah seterusnya adalah pembakaran tembikar. Tujuan Labu Sayong ini dibakar adalah untuk menjadikan tembikar keras dan tidak dimasuki air. Terdapat dua teknik bagi pembakaran tembikar iaitu pembakaran biskut dan pembakaran sepah. Teknik pembakaran ini menggunakan suhu yang tinggi. Bagi menghasilkan Labu Sayong yang berwarna hitam, selepas dibakar, Labu Sayong kemudiannya ditutup dengan habuk kayu. Labu Sayong yang masih panas dan berada pada suhu yang tinggi bertindak balas dengan sekam padi lalu menghasilkan Labu Sayong berwarna hitam. Jenis teknik pembakaran ini adalah pembakaran biskut.

Kegunaan dan keunikan

Sejarah Labu Sayong berasal dari buah labu lama, yang isinya dikeluarkan dan dibasuh dengan bersih sebelum digunakan sebagai bekas simpanan air. Kini, buah labu tersebut telah digantikan dengan tembikar yang diperbuat daripada tanah dan bentuk labu tersebut dikekalkan. Labu Sayong ini bukan hanya untuk menyimpan air tetapi menjadi tradisi yang digunakan terutamanya dalam masyarakat Melayu untuk merawat penyakit seperti demam. Air di dalamnya akan menjadi sejuk secara semula jadi.

Idea kreatif yang mengikut arus pemodenan ini telah mewujudkan transformasi kepada produk Labu Sayong di Malaysia ini. Labu Sayong kini

telah divariasikan penggunaannya supaya lebih fleksibel. Bentuk Labu Sayong yang dihasilkan akan diterapkan motif tumbuh-tumbuhan seperti bunga padi dan bunga cengkih. Kini, fungsi Labu Sayong bukan sekadar bekas simpanan air, malah menjadi perhiasan rumah atau halaman rumah. Tembikar tanah liat ini boleh dijadikan pasu bunga untuk hiasan rumah dan halaman rumah. Ia juga boleh dijadikan perhiasan peti sejuk yang dilekatkan bersama magnet. Bahan utama yang sama digunakan tetapi dari segi corak, warna dan bentuk sudah diubah suai supaya penggunaannya lebih fleksibel.



Gambar 1: magnet peti sejuk (gambar ihsan dari tokoh)

Selain itu, kegunaan Labu Sayong juga mengalami perubahan yang ketara menerusi rekaan khas. Labu Sayong telah mendapat permintaan tinggi untuk dijadikan cenderahati seperti bekas telur di majlis perkahwinan. Bekas telur ini dibuat secara teliti dari segi rekaan dan ukirannya yang bermotifkan tradisional seperti ukiran bunga tanjong dan daun buluh. Dari segi warna juga telah dipelbagaikan supaya lebih menarik perhatian dan memenuhi citarasa pengguna.



Gambar 2: Bekas telur (gambar *google*)

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, selama bertahun-tahun, bekas air tembikar tanah yang unik dan istimewa bukan sahaja orang Melayu, tetapi juga produk tradisional rakyat Malaysia. Warisan ini mesti dilindungi. Walaupun perlu untuk mengimbangi ketukangan tembikar dengan mendorong kaedah tembikar tradisional, dasar moden kerajaan mengenai pembuatan tembikar patut mendapat pujian tinggi. Sekiranya pemerintah dan institusi lain berusaha untuk mengembangkan dan mengembangkan industri pembuatan tembikar moden, mereka juga harus memperhatikan menjaga kesinambungan warisan sejarah mereka untuk mengelakkan kerugian.

Tembikar tanah atau Labu Sayong adalah produk semula jadi yang dapat digunakan dengan selamat sesuai dengan teknologi pengeluarannya, yang juga semula jadi dan boleh menyebabkan pengurangan potensi mendapat penyakit tanpa menggunakan bahan buatan berisiko tinggi. Walaupun penciptaan produk berasaskan tembikar menjelang zaman prasejarah, penggunaannya berterusan hingga ke hari ini. Dengan perkembangan teknologi, produk berasaskan tembikar juga berkembang dengan baik.

Warisan seni kraftangan Labu Sayong ini harus diteruskan dan dikekalkan oleh generasi sekarang supaya warisan kesenian negeri Perak tidak mati ditelan zaman. Generasi muda kini perlu mengambil alih atau belajar menceburi bidang-bidang seni kraftangan Labu Sayong ini. Kerajaan perlulah memainkan peranan penting dalam memajukan dan mengekalkan warisan seni negeri Perak ini dengan membina sekolah kemahiran pembuatan Labu Sayong dan memberi bantuan dari segi modal kepada masyarakat yang ingin memulakan perniagaan dan pembuatan Labu Sayong ini. Jika semua pihak berganding bahu bersama-sama dalam mengekalkan warisan seni kraftangan Labu Sayong ini, maka warisan ini akan terus berkembang maju dan akan terkenal di seluruh dunia.

RUJUKAN

Ainon Muhammad. (1995). *Kepintaran Daya Cipta & Kemahiran Berfikir*. Kuala Lumpur: *UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN.BHD.*

- Arifin, A. (2015). Traditional Malay Pottery Of Kuala Kangsar: Its History And Development. *Kajian Malaysia*, Vol. 33, Supp. 2, 113–133.
- Arifin, A., Rahman, M. L., & Masron, T. (2010). Warisan Tembikar Labu Sayong di Kuala Kangsar, Perak: Sejarah, Perkembangan dan Masa Depan. Diakses pada November 21, 2020, dari http://journalarticle.ukm.my/1263/1/SARI_28%5B2%5D2010_%5B06%5D.pdf
- Ayob, S. (2019). Tembikar Melayu Tradisi Sayong: Pemerian Asal Usul, Intipati Bentuk, Motif Dan Rupa. *Journal of Applied Arts*, 1(1), 73-77. Diakses dari <https://journal.scientiaca.org/index.php/Jappa/article/view/42>
- Azhar, M., Fauzi, M. & Koharuddin, M. (2006). Reka Cipta & Inovasi dalam Perspektif Kreativiti. ISBN 983-52-0385-7. Pp-547.
- Chia, S. (1995). Prehistoric Pottery Production And Technology At Bukit Tengkorak, Sabah, Malaysia. Retrieved from [http://eprints.usm.my/7138/1/Prehistoric_pottery_production_and_tech_nology_at Bukit Tengkorak Sabah Malaysia.pdf](http://eprints.usm.my/7138/1/Prehistoric_pottery_production_and_tech_nology_at_Bukit_Tengkorak_Sabah_Malaysia.pdf)
- Darus, I. & Abd Manaf, S. (2005). Tembikar tradisional. *Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia*.
- Fauzi, A. (2009). Labu hitam Sayong dan seramik maju: Pemangkin kelestarian kehidupan masyarakat. *Siri Syarahan Umum. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia*.
- Harian Metro (2017, December 09). Keunikan Labu Sayong. Diakses pada November 21, 2020, dari <https://www.hmetro.com.my/dekotaman/2017/12/292165/keunikan-labu-sayong>
- Haron, H & Mutalib, N. (2014). The Innovation of Labu Sayong Manufacturing Technology: A Technical Analysis. *Jurnal Teknologi*. 69. 10.11113/jt.v69.2365.
- Jasbindar, F. (2019, June 13). Sejarah Labu Sayong Kuala Kangsar. Retrieved January, 2021, from <https://www.orangperak.com/sejarah-labu-sayong-kuala-kangsar.html>
- Mohamed, S. (2005). The Malay pottery in Malaysia. Asia Ceramics Network Conference. Seoul, South Korea. 12-18 January.
- Muhamad, A. (1998). Sejarah seni tembikar di Perak. *Dalam. Tesis Sarjana Persuratan. Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi*.
- Mutalib, S. (n.d.) Tinjauan Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Retrieved from <https://core.ac.uk/download/pdf/268561624.pdf>
- Nawi, H. (2015, November 21). Labu sayong terus bertahan. Retrieved January, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/node/94576>

Osman, F. (n.d.). Sejarah lisan. Diakses pada November 21, 2020, dari https://www.academia.edu/26533506/sejarah_lisan

Wray, L. (1903). The Malayan pottery of Perak. *The Journal of the Anthropological Institute of Great Britain and Ireland*. 33: 24–35.

Zainon, S. (1986). Rekabentuk kraftangan Melayu tradisi. *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*.

(2019). Lawatan Labu Sayong. *PDFSLIDEWorld*. Retrieve from <https://pdfslide.tips/documents/lawatan-labu-sayong.html>.